

SEJARAH WAKAF SEETEE AISAH

Wakaf Seetee Aisah adalah sempena nama pewakaf iaitu **Seetee Aisah binti Haji Mahmood yang telah mewakafkan tanahnya seluas 9.274 ekar pada 30 September 1901 bagi tujuan wakaf manfaat umum.**

Ikatan amanah :

- ✓ Diturunkan kepada **Ahmad bin Nordin** (anak lelaki @ pemegang amanah asal)
- ✓ Disambung kepada **Da'in bin Ahmad**
- ✓ Pada lebih kurang 1959, apabila kerajaan Malaysia (Sistem) ditubuhkan, kerajaan mengishtiharkan bahawa kesemua tanah wakaf diuruskan oleh pemegang amanah yang sah iaitu unit/jabatan WAKAF negeri masing-masing

Antara yang ternyata di dalam Surat Ikatan Amanah (Waqf Deed) pewakaf iaitu:

1. Membayar dan membekalkan **1 tin minyak tanah untuk Masjid Permatang Pauh ketika bulan Ramadhan** setiap tahun.
2. Separuh daripada baki sewa dan pendapatan yang diperolehi digunakan untuk membaiki **Masjid Permatang Pauh** dan jika tiada pembaikan dibuat, wang tersebut hendaklah dikirim ke Mekah bagi tujuan wakaf atau tujuan amal yang lain.
3. Separuh lagi digunakan untuk keluarga Saedah binti Nordin dan Ahmad bin Nordin dan keturunannya bagi faedah mereka sendiri.

IMPAK WAKAF

- ✓ 76 unit rumah teres 2 tingkat & 9 unit kedai pejabat 3 tingkat (Fasa 1)
- ✓ 572 unit rumah pangsapuri mampu milik dan kos rendah & 20 unit kedai pejabat (Fasa 2)

